



**PEJABAT KETAU PENDAFTAR  
MAHKAMAH PERSEKUTUAN MALAYSIA  
PUTRAJAYA**

**KENYATAAN MEDIA**

**LAPORAN ARTIKEL DALAM PORTAL MALAYSIA TODAY**

Pejabat ini merujuk kepada artikel yang ditulis oleh Raja Petra Kamarudin bertajuk '*Judge Mohd Nazlan being investigated for unexplained RM1 million in his bank account*' bertarikh 20 April 2022 yang disiarkan oleh portal Malaysia Today.

Satu laporan polis telah dibuat oleh YA Dato' Mohd Nazlan bin Mohd Ghazali, Hakim Mahkamah Rayuan menafikan tuduhan-tuduhan palsu, tidak berasas serta berniat jahat bertujuan menjatuhkan kredibiliti beliau sebagai seorang Hakim Mahkamah Rayuan dan mengganggu sistem keadilan serta institusi kehakiman, dalam Artikel tersebut. Laporan polis ini juga dibuat agar siasatan di bawah seksyen 500 Kanun Keseksaan, seksyen 233 Akta Komunikasi dan Multimedia 1998 dan peruntukan undang-undang lain yang berkaitan, dapat dijalankan.

Pejabat ini memandang serius terhadap tuduhan dan komen seperti ini dan mengingatkan orang ramai bahawa tuduhan terhadap Badan Kehakiman bertujuan mengganggu-gugat kes-kes yang sedang dalam proses perbicaraan, adalah satu pelanggaran prinsip *sub judice*. Pejabat ini juga menggesa agar pihak polis dapat menjalankan siasatan dengan segera demi memelihara keyakinan orang ramai terhadap institusi kehakiman negara serta memastikan pentadbiran keadilan dapat berjalan dengan baik.

Sekian, terima kasih.

Pejabat Ketua Pendaftar  
Mahkamah Persekutuan Malaysia  
Istana Kehakiman  
Putrajaya

**Tarikh: 21 April 2022**